Membayar balik perbelanjaan perubatan yang disebabkan oleh kecederaan semasa berada di luar negara atau ketika lawatan anda ke Negara Asal.

### **✓ Gangguan Pengajian - Sehingga RM20,000**

Kami akan membayar balik kepada anda Yuran Tuisyen Semester yang telah dibayar sekiranya anda dihalang daripada meneruskan pengajian anda di Institusi Pengajian tersebut disebabkan oleh:

- Kemasukan anda ke dalam hospital selama lebih dari satu bulan akibat kecederaan,
- Penyakit anda yang boleh membawa maut,
- Penghantaran pulang (perubatan) anda,
- Kematian ahli keluarga terdekat anda.

### **✓ Penginapan Sementara - Sehingga RM4,000**

Sekiranya tempat tinggal anda tidak boleh didiami lagi disebabkan kebakaran, banjir, gempa bumi dan sebagainya, kos penginapan sementara anda (tertakluk kepada had Pelan yang telah anda pohon) akan dibiayai oleh kami.

# Manfaat-manfaat dan premium anda

| MANFAAT-MANFAAT                                                                      |              |              |
|--------------------------------------------------------------------------------------|--------------|--------------|
| PERLINDUNGAN ASAS                                                                    | PELAN 1 (RM) | PELAN 2 (RM) |
| Kemalangan Diri                                                                      | 100,000      | 200,000      |
| Pemindahan Perubatan Kecemasan                                                       | 250,000      | 500,000      |
| Pembatalan Sebelum Berlepas (Pembayaran Balik 50% Bayaran Tuisyen Sehingga Maksima*) | 10,000*      | 20,000*      |
| PERLINDUNGAN TAMBAHAN OPSYENAL                                                       | PELAN 1 (RM) | PELAN 2 (RM) |
| Liabiliti Peribadi                                                                   | 100,000      | 200,000      |
| Bagasi dan Barang-barang Peribadi                                                    | 2,000        | 4,000        |
| Perbelanjaan Perubatan untuk Kecederaan                                              | 10,000       | 20,000       |
| Gangguan Pengajian                                                                   | 10,000       | 20,000       |
| Penginapan Sementara (RM400 Sehari)                                                  | 2,000        | 4,000        |
| PREMIUM                                                                              |              |              |
| PERLINDUNGAN ASAS                                                                    | PELAN 1 (RM) | PELAN 2 (RM) |
| A. 1 Tahun                                                                           | 250          | 450          |
| B. 2 Tahun                                                                           | 475          | 855          |
| C. 3 Tahun                                                                           | 675          | 1,215        |
| Pembaharuan Tahunan ke atas Perlindungan Asas                                        | 238          | 428          |
| PERLINDUNGAN TAMBAHAN OPSYENAL (TERMASUK PERLINDUNGAN ASAS)                          | PELAN 1 (RM) | PELAN 2 (RM) |
| D. 1 Tahun                                                                           | 430          | 800          |
| E. 2 Tahun                                                                           | 818          | 1,528        |
| F. 3 Tahun                                                                           | 1,168        | 2,168        |
| Pembaharuan Tahunan ke atas Perlindungan Tambahan Opsyenal                           | 408          | 768          |

Duti setem tambahan sebanyak RM10 dikenakan bagi setiap polisi.

# Pengecualian am

- X Peperangan atau risiko yang seumpamanya.
  - X Peraturan atau Akta Kerajaan atau Pihak Berkuasa mana-mana negara.
  - X Sukan yang berbahaya termasuk payung terjun, penerbangan meluncur, mendaki gunung, penerokaan lubang gua atau memanjat batuan, sebarang jenis perlumbaan (melainkan perlumbaan berlari atau berenang) atau percubaan kelajuan atau kebolehpercayaan, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan.
  - X Bunuh diri, kecederaan yang disengajakan atau pendedahan kepada bahaya dengan sengaja (selain daripada cubaan untuk menyelamatkan hayat manusia).
  - X Hamil, melahirkan anak, kecacatan fizikal atau penyakit mental atau keuzuran.
  - X AIDS, penyakit kompleks berkaitan AIDS dan penyakit yang dipindahkan menerusi hubungan seks.
  - X Penyalahgunaan dadah kecuali sebagai ubat mengikut preskripsi perubatan yang dibenarkan (tetapi bukan untuk merawat ketagihan dadah).
  - X Penerbangan kecuali sebagai penumpang dalam kapal terbang yang berlesen penuh untuk membawa penumpang.
  - X Sebarang aktiviti kakitangan, perdagangan, teknikal atau kesukanan yang berkaitan dengan sesuatu kapal terbang.
  - X Tindakan penganas.
  - X Keadaan Sedia Ada Orang Yang Diinsuranskan.
  - X Kos Pengebumian di Negara Asal.
- Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk senarai penuh.

## Nota-nota penting



- Had umur untuk Orang Yang Diinsuranskan mestilah berusia di antara 16 dan 55 tahun dan sedang mengikuti kursus sepenuh masa di Institusi Pengajian luar negara.
- Pemindahan Kecemasan adalah untuk Orang Yang Diinsuranskan yang mengalami kesakitan serius. Ia tidak boleh digunakan di dalam negara.
- Jangan berunding untuk menyelesaikan tuntutan pihak ketiga dan sentiasa rujuk kepada Penanggung Insurans tentang sebarang tuntutan dan notis.
- Insurans ini tidak akan berkuat kuasa kecuali premium yang mesti dibayar telah dibayar.
- Keterangan perlindungan ini hanyalah ringkasan untuk rujukan cepat dan mudah. Syarat dan peraturan yang tepat ada terkandung dalam Dokumen Polisi.
- Anda boleh meminta untuk melihat polisi insurans sebenar sebelum anda membeli insurans ini. Sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan MSIG untuk bantuan.
- Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung Polisi ini.
- Jika terdapat sebarang konflik mengenai kandungan di antara versi Bahasa Inggeris dengan terjemahannya dalam risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

# Jawapan kepada soalan-soalan yang kerap ditanya oleh anda

## 1. Siapakah yang layak untuk memohon Insurans Penuntut Luar Negara?

Semua penuntut yang berumur di antara 16 tahun hingga 55 tahun yang menuntut di luar negara layak untuk memohon.

## 2. Apakah yang dimaksudkan dengan Keadaan Sedia Ada?

Kehilangan upaya yang wujud kepada Orang Yang Diinsuranskan sebelum tarikh insurans membawa kesan, yang mana Orang Yang Diinsuranskan sedang menerima rawatan atau menunjukkan manifestasi-manifestasi/simptom-simptom, tidak kira sama ada Orang Yang Diinsuranskan mengetahui atau patut mengetahui tentangnya.

## 3. Bolehkah saya membuat tuntutan bagi bagasi yang hilang di Asrama jika saya mengambil Perlindungan Tambahan Opsyenal?

Tidak, perlindungan ini adalah hanya untuk bagasi yang hilang akibat kecurian atau salah haluan semasa ia di bawah jagaan atau kawalan kenderaan perjalanan umum yang mana Orang Yang Diinsuranskan merupakan penumpang yang membayar tambang dalam tempoh insurans.

## 4. Bagaimanakah saya boleh dibayar balik perbelanjaan perubatan yang dikenakan?

Jika Orang Yang Diinsuranskan mengalami kecederaan di luar negara, perbelanjaan perubatan yang dikenakan di luar negara dalam tempoh 90 hari dari tarikh kecederaan akan dibayar. Jika Orang Yang Diinsuranskan mengalami kecederaan semasa melawati Negara Asalnya, perbelanjaan perubatan yang dikenakan di Negara Asalnya juga akan dibayar. Kedua-duanya mesti berlaku dalam tempoh insurans.

## 5. Bilakah perlindungan akan ditamatkan?

Perlindungan ditamatkan jika Orang Yang Diinsuranskan:

- Balik ke Negara Asalnya secara kekal; atau
- Tamat pengajiannya selepas beliau selesai peperiksaan akhir sehingga tempoh 3 bulan selepas peperiksaan akhir; atau
- Berhenti menjadi penuntut sepenuh masa di Institusi Pengajian yang dinyatakan untuk apa-apa alasan; atau
- Bila polisi tamat tempohnya, yang mana lebih awal.

## 6. Apakah prosedur untuk membatalkan polisi saya? Bagaimana jika syarikat mengambil keputusan untuk membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberitahu kami secara bertulis. Syarikat akan mengembalikan premium mengikut skala jangka masa pendek. Syarikat boleh membatalkan polisi ini atau sebarang Seksyen dengan memberi notis kepada anda selama 7 hari melalui surat berdaftar yang dihantar kepada alamat anda yang terakhir, dan pembayaran balik premium adalah berdasarkan pada asas pro-rata bagi tempoh perlindungan yang belum tamat. Jika tuntutan dibuat, Syarikat memelihara hak untuk menyimpan 100% daripada premium tahunan.

**7. Bagaimanakah saya membuat tuntutan?**

Sila beri notis bertulis kepada syarikat bersama dengan butir-butir penuh dalam masa 7 hari selepas menerima notis atau mengalami sebarang kemalangan, kerugian atau kerosakan. Anda boleh hubungi mana-mana cawangan MSIG atau penasihat insurans anda untuk memperolehi borang tuntutan. Hantar borang tuntutan yang dilengkapi kepada syarikat bersama dokumen-dokumen berkenaan secepat mungkin.

**8. Bagaimanakah saya membuat permohonan untuk polisi ini?**

Hanya lengkapkan borang permohonan yang disertakan dan hantarkannya kepada kami atau penasihat insurans anda untuk diproses dengan segera.

**9. Bagaimanakah saya mengemukakan aduan kalau saya tidak berpuas hati dengan produk atau perkhidmatan?**

Jika anda ingin mengadu tentang produk atau perkhidmatan kami, atau anda tidak berpuas hati dengan tawaran atau keputusan syarikat ke atas tuntutan, anda boleh mendapatkan bantuan daripada Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami.

Kalau anda masih tidak berpuas hati dengan keputusannya, anda boleh menulis kepada BNMLINK Bank Negara Malaysia atau Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) (dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)) untuk mendapatkan bantuan secara percuma.

# Helaian pendedahan produk

Tarikh: Seperti Tarikh Cetakan

(Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Insurans Penuntut Luar Negara. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

## 1. Apakah keterangan tentang produk ini?

MSIG Insurans Penuntut Luar Negara adalah pelan perlindungan 24 jam di seluruh dunia yang akan membayar ganti rugi kepada anda semasa berlakunya kecederaan, hilang upaya atau kematian akibat kemalangan yang berkaitan dan juga membayar perbelanjaan untuk Pemindahan Perubatan Kecemasan.

Produk ini direka khas untuk penuntut-penuntut di antara 16 tahun hingga 55 tahun yang melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian di luar negeri.

## 2. Apakah perlindungan/manfaat pilihan yang disediakan?

| MANFAAT-MANFAAT                                                                      |              |              |
|--------------------------------------------------------------------------------------|--------------|--------------|
| PERLINDUNGAN ASAS                                                                    | PELAN 1 (RM) | PELAN 2 (RM) |
| Kemalangan Diri                                                                      | 100,000      | 200,000      |
| Pemindahan Perubatan Kecemasan                                                       | 250,000      | 500,000      |
| Pembatalan Sebelum Berlepas (Pembayaran Balik 50% Bayaran Tuisyen Sehingga Maksima*) | 10,000*      | 20,000*      |
| PERLINDUNGAN OPSYENAL                                                                | PELAN 1 (RM) | PELAN 2 (RM) |
| Liabiliti Peribadi                                                                   | 100,000      | 200,000      |
| Bagasi dan Barang-barang Peribadi                                                    | 2,000        | 4,000        |
| Perbelanjaan Perubatan untuk Kecederaan                                              | 10,000       | 20,000       |
| Gangguan Pengajian                                                                   | 10,000       | 20,000       |
| Penginapan Sementara (RM400 Sehari)                                                  | 2,000        | 4,000        |

Nota:

- Pemindahan Perubatan Kecemasan adalah untuk Orang Yang Diinsuranskan yang mengalami kesakitan serius. Ia tidak boleh digunakan di Negara Asal.
- Peratusan daripada jumlah yang diinsuranskan akan dibayar mengikut pampasan yang dinyatakan dalam kontrak polisi jika Orang Yang Diinsuranskan menderita akibat manfaat Hilang Upaya Kekal.
- Pampasan maksima yang boleh dibayar di bawah polisi ini tidak melebihi 100% daripada jumlah yang diinsuranskan.
- Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk maklumat lanjut berkenaan Jadual Manfaat Penuntut Luar Negara.

Tempoh Perlindungan adalah selama 1 tahun. Ia boleh diperbaharui pada setiap ulang tahun tarikh bermulanya polisi dengan membuat bayaran premium yang ditentukan oleh syarikat pada hari pembaharuan. Perlindungan ini boleh dibeli untuk tempoh 2 atau 3 tahun.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

### 3. Berapa premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar tertakluk kepada pelan anda pilih dan ia mungkin berbeza berdasarkan kepada keperluan taja jamin kami.

| PERLINDUNGAN ASAS                                           | PELAN 1 (RM) | PELAN 2 (RM) |
|-------------------------------------------------------------|--------------|--------------|
| A. 1 Tahun                                                  | 250          | 450          |
| B. 2 Tahun                                                  | 475          | 855          |
| C. 3 Tahun                                                  | 675          | 1,215        |
| Pembaharuan Tahunan ke atas Perlindungan Asas               | 238          | 428          |
| PERLINDUNGAN TAMBAHAN OPSYENAL (TERMASUK PERLINDUNGAN ASAS) | PELAN 1 (RM) | PELAN 2 (RM) |
| D. 1 Tahun                                                  | 430          | 800          |
| E. 2 Tahun                                                  | 818          | 1,528        |
| F. 3 Tahun                                                  | 1,168        | 2,168        |
| Pembaharuan Tahunan ke atas Perlindungan Tambahan Opsyenal  | 408          | 768          |

### 4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

#### Jenis

- Komisen yang dibayar kepada Penasihat Insurans
- Duti Setem

#### Amaun

- 25% daripada premium
- RM10.00

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung Polisi ini.

### 5. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- **Kepentingan Pendedahan** - Anda mesti mengambil penjagaan munasabah untuk tidak salah nyata semasa menjawab soalan di dalam borang cadangan atau di dalam apa-apa permintaan yang dibuat oleh Syarikat dan memeriksa maklumat yang anda berikan adalah lengkap dan tepat. Anda juga perlu mendedahkan semua maklumat yang relevan yang boleh mempengaruhi Syarikat bagi penerimaan insurans ini, memutuskan terma dan premium yang anda akan bayar. Jika anda tidak mengambil penjagaan munasabah dan maklumat yang diberikan oleh anda adalah tidak lengkap atau tidak tepat, ini boleh menjejaskan tuntutan anda. Tanggungjawab anda untuk menyediakan maklumat lengkap dan tepat apabila diminta oleh Syarikat hendaklah berterusan sehingga ke masa insurans itu dibuat oleh anda, membuat perubahan kepada atau memperbaharui insurans anda.
- **Pembayaran Sebelum Perlindungan** (Untuk pemegang polisi Individu sahaja) - Insurans ini tidak akan berkuat kuasa kecuali premium belum bayar telah pun dibayar. Syarat waranti premium yang dinyatakan di dalam polisi dengan ini dihapuskan.

- **Waranti Premium** (Lain-lain) - Insurans kontrak terbatal secara automatik jika premium yang patut dibayar belum diterima dalam masa 60 hari dari bermulanya tarikh insurans ini.
- **Notis Tuntutan** - Anda perlu menyediakan notis bertulis kepada syarikat dengan maklumat lengkap dalam tempoh 7 hari sebaik menerima notis akibat kemalangan, kehilangan atau kerosakan. Anda boleh menghubungi mana-mana cawangan MSIG atau penasihat insurans anda untuk mendapatkan salinan borang tuntutan. Anda harus menyerahkan borang tuntutan yang lengkap kepada syarikat berserta segala dokumen yang berkaitan secepat yang mungkin.
- **Penamatan Automatik**  
 Polisi akan ditamatkan jika Orang Yang Diinsuranskan:
  - Pulang ke Negara Asal mereka secara kekal; atau
  - Atas graduasi selepas Diri Yang Diinsuranskan menyempurnakan peperiksaan akhirnya hingga tempoh maksima 3 bulan selepas peperiksaan akhir itu; atau
  - Berhenti menjadi penuntut sepenuh masa untuk apa-apa jua alasan di Insituti Pendidikan yang dinyatakan; atau
  - Apabila luputnya polisi yang mana lebih awal.
 - Perlindungan akan terhenti pada tarikh tamat tempoh dan kami bertegas tidak akan bertanggungjawab kecuali jika insurans telah diperbaharui.

Nota: Maklumat ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di dalam polisi ini.

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kejadian berikut:

- Peperangan atau risiko seumpamanya.
- Peraturan atau Akta Kerajaan atau Pihak Berkuasa.
- Menyertai aktiviti sukan berbahaya termasuk payung terjun, penerbangan meluncur, mendaki gunung, penerokaan lubang gua atau memanjat batuan, sebarang jenis perlumbaan (melainkan perlumbaan berlari atau berenang) atau percubaan kelajuan atau kebolehpercayaan, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan.
- Bunuh diri, kecederaan yang disengajakan atau pendedahan kepada bahaya dengan sengaja (selain daripada usaha menyelamatkan nyawa manusia).
- Hamil, bersalin, kekurangan atau kelemahan fizikal atau mental atau keuzuran.
- AIDS, penyakit kompleks berkaitan AIDS atau penyakit yang dipindahkan menerusi hubungan seks.
- Penyalahgunaan dadah kecuali jika dadah diambil dengan mengikut arahan doktor perubatan (tetapi bukan untuk rawatan ketagihan dadah).
- Penerbangan kecuali sebagai penumpang dalam sebuah kapal terbang yang berlesen penuh untuk membawa penumpang.
- Sebarang aktiviti kakitangan, perdagangan atau teknikal yang berkaitan dengan sesuatu kapal terbang.
- Tindakan Pengganas.
- Keadaan Sedia Ada Orang Yang Diinsuranskan.
- Kos Pengebumian Di Negara Asal.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.



## 7. Bolehkah saya membuat pembatalan polisi saya?

Anda boleh membuat pembatalan pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Anda layak mendapat balik premium berdasarkan kadar tempoh singkat bagi tempoh perlindungan yang belum tamat. Tiada pembayaran balik premium dibenarkan jika terdapat tuntutan dibuat dalam tahun polisi semasa.

## 8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat peribadi saya?

Anda mesti memberitahu kami secara bertulis tentang sebarang perubahan dalam pengambilan kerja, pekerjaan, tugas atau kegiatan oleh Orang Yang Diinsuranskan, atau sebarang perubahan yang boleh meningkatkan risiko polisi ini. Anda mungkin dikehendaki untuk membayar premium tambahan akibat daripada perubahan sedemikian.

## 9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat selanjutnya?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Penuntut Luar Negara, sila rujuk kepada buku panduan *insuranceinfo* 'Insurans Kemalangan Diri' yang boleh didapati di mana-mana cawangan MSIG atau anda boleh mendapat salinan daripada penasihat insurans atau lawati [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**MSIG Insurance (Malaysia) Bhd**

**No. Pendaftaran 197901002705 (46983-W)**

**Pusat Khidmat Pelanggan:**

**Tingkat 15, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng**

**No. 1, Jalan P. Ramlee**

**50250 Kuala Lumpur**

**Tel: (603) 2050 8228**

**Faks: (603) 2026 8086**

**Talian Perkhidmatan Pelanggan: 1-800-88-MSIG (6744)**

**Emel: [myMSIG@my.msiga.com](mailto:myMSIG@my.msiga.com)**

## 10. Lain-lain jenis perlindungan insurans kemalangan diri yang disediakan:

Tiada

**NOTA PENTING: ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMERHATIKAN SKALA MANFAAT-MANFAAT BAGI KEMATIAN ATAU HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA PERLU MENCALONKAN SEORANG PENAMA DAN MEMASTIKAN YANG PENAMA ANDA SEDAR POLISI KEMALANGAN DIRI YANG PERNAH ANDA BELI. ANDA PERLU BACA DAN FAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENASIHAT INSURANS ANDA ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.**

**Maklumat yang disediakan dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah sah pada 1 Januari 2025.**

[illegible]

[illegible]

**MSIG Insurance (Malaysia) Bhd**  
**Registration No. 197901002705 (46983-W)**

**Head Office:** Customer Service Centre,  
Level 15, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng,  
No. 1, Jalan P. Ramlee,  
50250 Kuala Lumpur  
**T** (603) 2050 8228  
**F** (603) 2026 8086

**Customer Service Hotline** 1-800-88-MSIG (6744)  
**E** myMSIG@my.msig-asia.com  
**W** www.msig.com.my

**KUALA LUMPUR**

Customer Service Centre,  
Level 15, Menara Hap Seng 2,  
Plaza Hap Seng,  
No. 1, Jalan P. Ramlee,  
50250 Kuala Lumpur  
**T** (603) 2050 8228, **F** (603) 2026 8086

**ALOR SETAR**

1<sup>st</sup> Floor, No. 169,  
Susuran Sultan Abdul Hamid 11,  
Kompleks Perniagaan Sultan Abdul  
Hamid Fasa 2, 05050 Alor Setar, Kedah  
**T** (604) 772 2266, **F** (604) 772 2255

**BATU PAHAT**

No. 31A & 32A, Jalan Kundang,  
Taman Bukit Pasir,  
83000 Batu Pahat, Johor  
**T** (607) 433 6808, **F** (607) 433 7808

**IPOH**

Lots A-01-10, A-01-12, A-01-14 & A-01-16,  
1<sup>st</sup> Floor, Wisma MFCB,  
Greentown Business Centre, No. 1,  
Persiaran Greentown 2, 30450 Ipoh, Perak  
**T** (605) 255 1319, **F** (605) 253 7979

**JOHOR BAHRU**

Suite 21-01, Level 21, Menara Jland,  
Johor Bahru City Centre (JBCC),  
Jalan Tun Abdul Razak,  
80888 Ibrahim International Business District,  
Johor  
**T** (607) 208 7800, **F** (607) 276 3800

**KLANG**

1<sup>st</sup> Floor, No. 1, Lorong Tiara 1B,  
Bandar Baru Klang, 41150 Klang, Selangor  
**T** (603) 3343 6691, **F** (603) 3342 2571

**KLUANG**

1<sup>st</sup> Floor, No. 7, Bangunan HLA,  
Jalan Yayasan, 86000 Kluang, Johor  
**T** (607) 772 6501/774 5701  
**F** (607) 774 5702

**KOTA BHARU**

3826, 1<sup>st</sup> Floor, Jalan Hamzah,  
15050 Kota Bharu, Kelantan  
**T** (609) 748 1280, **F** (609) 748 3509

**KUANTAN**

No. A-43, A-45 & A-47,  
Lorong Tun Ismail 12, Sri Dagangan 2,  
25000 Kuantan, Pahang  
**T** (609) 515 7501, **F** (609) 515 7502

**MELAKA**

1<sup>st</sup> & 2<sup>nd</sup> Floor,  
No. 777, Jalan Hang Tuah, 75300 Melaka  
**T** (606) 289 4333, **F** (606) 289 4222

**PENANG**

Level 15, Hunza Tower,  
No. 163E, Jalan Kelawei, 10250 Penang  
**T** (604) 219 0800, **F** (604) 219 0999

**PETALING JAYA**

Units 9-3 & 11-3, Block A, Jaya One,  
No. 72A, Jalan Prof Diraja Ungku Aziz,  
46200 Petaling Jaya, Selangor  
**T** (603) 7954 4208, **F** (603) 7954 4202

**SEREMBAN**

No. 41-G & 41-1,  
Jalan KS 3, Kepayang Sentral 2,  
70200 Seremban, Negeri Sembilan  
**T** (606) 601 3501, **F** (606) 601 3503

**SUNGAI PETANI**

1<sup>st</sup> Floor, 9C, Jalan Kampung Baru,  
08000 Sungai Petani, Kedah  
**T** (604) 424 4180, **F** (604) 423 4513

**KOTA KINABALU**

Suite 6.02 & 6.03, Level 6, Plaza Shell,  
No. 29, Jalan Tunku Abdul Rahman,  
88000 Kota Kinabalu, Sabah  
**T** (6088) 301 030, **F** (6088) 301 110

**KUCHING**

22 & 22A, Jalan Rubber,  
Lots 344 & 345, Section 9,  
93400 Kuching, Sarawak  
**T** (6082) 255 901/259 204  
**F** (6082) 427 612

**MIRI**

Unit No. D-2-17, Block D, Miri Times Square,  
Marina ParkCity, Jalan Bendahara,  
98000 Miri, Sarawak  
**T** (6085) 434 890, **F** (6085) 419 002

**SANDAKAN**

1<sup>st</sup> Floor, Block 18,  
Lots 1 & 2, Bandar Indah, Mile 4,  
North Road, 90000 Sandakan, Sabah  
**T** (6089) 217 388, **F** (6089) 215 388

**SIBU**

1<sup>st</sup> Floor, No. 65, Jalan Kampong Nyabor,  
96000 Sibu, Sarawak  
**T** (6084) 323 890/347 008  
**F** (6084) 314 558

**TAWAU**

1<sup>st</sup> Floor, Block 42, TB 330A,  
Fajar Complex, 91000 Tawau, Sabah  
**T** (6089) 771 051, **F** (6089) 764 079

For more information, please call MSIG  
or contact your Insurance Adviser at:

